

# 15 nelayan Vietnam ceroboh perairan negara didenda

**MIRI:** Seramai 15 nelayan warga Vietnam termasuk tiga tekong dalam tiga kes berasingan masing-masing didenda antara RM250,000 hingga RM1 juta oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas kesalahan menceroboh perairan negara.

Hukuman itu dijatuhkan Hakim Azreena Aziz setelah kesemua tertuduh yang berusia antara 30 hingga 60 tahun mengaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan terhadap mereka mengikut Seksyen 16 (3) Akta Perikanan 1985 dan dibaca bersama Seksyen 25 (a) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tekong boleh dikenakan denda sehingga RM1 juta, manakala awak-awak boleh di-

denda sehingga RM600,000, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, pada 5 Oktober lalu, sepasukan pegawai penguasa kuasa dari Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) yang membuat rondaan di kawasan perairan negara telah mengesan dua buah kapal nelayan asing dalam keadaan mencuri-gakan.

Setelah dihampiri, kapal pertama berjaya ditahan pada jam 10.55 pagi ketika berada pada kedudukan 129.2 batu nautika dari barat laut Tanjung Baram dan kapal kedua ditahan jam 11.35 pagi pada kedudukan 131.3 batu nautika dari barat laut Tanjung Baram.

Semasa diperiksa, didapati kedua-dua bot itu



**BERSALAH:** Seramai 15 nelayan warga asing yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen semalam atas tuduhan menceroboh perairan negara.

yang berasal dari Vietnam dan dikendalikan oleh dua orang tekong bersama lapan orang awak-awak telah menceroboh masuk ke kawasan perairan Malaysia dengan menangkap ikan di

perairan negara tanpa mempunyai permit sah daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Manakala pada 11 Oktober lalu, sepasukan pegawai penguatkuasa Maritim Malaysia

yang melakukan rondaan di perairan Sarawak telah menahan sebuah lagi kapal nelayan Vietnam bersama seorang tekong dan empat awak-awak.

Ketika ditahan pada jam 8.16 pagi itu, kapal tersebut sedang berada pada kedudukan 174 batu nautika dari barat laut Tanjung Baram.

Pemeriksaan lanjut juga mendapati kapal berkenaan turut melakukan kesalahan serupa dengan menangkap ikan secara haram di perairan negara.

Berikutnya itu, kesemua 15 nelayan warga asing terbabit bersama kapal mereka telah ditangkap dan diiring ke Pusat Tahan Vesel (PVT) di Pulau Melayu untuk tinjakan lanjut.

Bagi kes pertama dan

kedua, tekong didenda RM1 juta atau lapan bulan penjara, manakala awak-awak didenda RM250,000 atau enam bulan penjara.

Manakala dalam kes ketiga, tekong didenda RM1 juta atau enam bulan penjara dan awak-awak didenda RM250,000 atau empat bulan penjara.

Mahkamah turut memerintahkan hasil lelongan diesel serta hasil tangkapan laut dirampas dan dijadikan sebagai hasil pendapatan negara.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pegawai Pendakwa dari Maritim Malaysia, Muhamad Azham Marwan, manakala kesemua tertuduh diwakili peguam bela Ranbir Singh dan Firdaus Morshidi.